

Menara Merdeka 118 siap 42 peratus

Kuala Lumpur: Pembangunan Menara Merdeka 118 oleh Permodalan Nasional Berhad (PNB) menerusi anak syarikat miliknya, PNB Merdeka Ventures Sdn Bhd kini berada pada tahap kemajuan 42 peratus siap dengan ketinggian semasa adalah 84 tingkat.

Pengerusi kumpulan PNB, Tan Sri Dr Zeti Aziz berkata, menara ikonik berkenaan bakal menjadi mercu tanda yang bakal menggabungkan elemen senibina kontemporari dan unsur sejarah negara di Kuala Lumpur.

Beliau berkata, Merdeka 118 berdiri megah bersama dua warisan negara iaitu Stadium Negara dan Stadium Merdeka yang

mana kemerdekaan Malaysia diisytiharkan pada 1957.

“Apabila ia siap sepenuhnya menjelang 2021, menara dengan ketinggian 635 meter ini menjadi mercu tanda baharu bagi Kuala Lumpur,” katanya pada sesi makan tengah hari sempena Persidangan Korporat PNB 2019 (PCS 2019) di sini, semalam.

Mengulas lanjut, Zeti berkata, menara ikonik itu turut menyasarkan penarafan tiga akreditasi platinum dengan Leadership in Energy and Environmental Design (LEED), GreenRE dan Green Building Index (GBI).

Menurutnya, penarafan terbabit bakal menjadikan Merdeka 118 bangunan pertama di negara ini mendapat penarafan seumpama itu.

